



BAB SATU

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Sejarah mencatatkan bahawa sebelum penurunan Al-Quran dan perutusan Nabi Muhammad s.a.w. bangsa Arab terkenal sebagai penyembah berhala, penghuni padang pasir yang kering-kontang, penunggang kuda yang suka berperang dan hanya terdapat sebilangan kecil di kalangan mereka yang mendiami bandar dan mengecapi kemewahan. Boleh dikatakan bahawa kehidupan mereka ketika itu amat jauh daripada nilai-nilai ketamadunan dan kemajuan material.

Sungguhpun demikian, sejarah juga telah merakamkan satu pengiktirafan mengenai keistimewaan dan keunggulan bangsa ini terhadap keprihatinan dan kesungguhan mereka mempelajari, memelihara dan mengembangkan budaya bahasa dan kesusasteraan terutamanya puisi-puisi. Puisi menjadi nadi kehidupan budaya kesusasteraan Arab jahiliah yang dipersembahkan di upacara tahunan atau majlis keraian dengan meriah sekali .

Dengan penurunan Al-Quran situasi masyarakat Arab mengalami perubahan pesat dalam semua bidang kehidupan sama ada keagamaan, kemasyarakatan termasuklah bahasa dan kesusasteraan. Bahasa Arab mendapat impak yang paling ketara, bahasanya yang kasar bertukar sopan ,

laras bahasa yang keras berubah lembut dan tatabahasanya menjadi semakin kukuh. Semua ini berlaku kerana pengaruh Al-Quran .

Al-Quran telah menyuntik kekuatan baru kepada bahasa Arab sehingga dinobatkan sebagai lingua-franca ribuan juta manusia yang melepasi sekatan masa daripada dahulu hinggalah sekarang. Bahkan bahasa Arab juga telah dimartabatkan sebagai bahasa yang dipelajari ribuan juta manusia yang menjangkau batasan sempadan geografi dari timur hinggalah barat.

Sesungguhnya Al-Quran dan bahasa Arab tidak boleh dipisahkan, ibarat isi dengan kuku. Usaha memahami dan menafsirkan Al-Quran tidak akan sempurna tanpa terlebih dahulu mengerti dan menguasai bahasa Arab. Begitulah juga kemahiran dan kepakaran seseorang dalam bahasa Arab tidak akan lengkap tanpa ia mengkaji dan menyelidiki Al-Quran, mukjizat teragung Rasulullah s.a.w.

Kandungan-kandungan Al-Quran yang penuh dengan rahsia–rahsia keindahan dan keunikan sering menjadi tumpuan para pengkaji dan pencinta ilmu sepanjang zaman termasuklah dari kalangan ahli–ahli bahasa. Mereka bertungkus–lumus menyelami lautan Al-Quran dengan matlamat menyerlahkan keagungan serta ketinggian sama ada dari aspek sintaksis, semantik atau retorik.

Bahasa Arab adalah bahasa yang unik dan indah sehingga layak meraih gelaran bahasa Al-Quran al-Karim. Antara keunikan bahasa Arab ialah aspek sintaksisnya yang sistematis dan kaya dengan perbendaharaan-perbendaharaan terperinci seperti persoalan tadhkīr dan ta'nīh kata kerja yang melambangkan ketinggian dan menonjolkan keistimewaan bahasa Arab.

1.1 Pernyataan Masalah

Persoalan tadhkīr dan ta'nīh kata kerja adalah satu fenomena sintaksis yang tersebar luas penggunaannya dalam Al-Quran. Jadi, ketika membaca Al-Quran penulis telah bertemu dengan perkara tersebut dan sekaligus berhadapan dengan masalah untuk memahami ayat-ayat itu daripada aspek sintaksisnya.

Sebagai contohnya ialah dua potong ayat Al-Quran yang telah menimbulkan tanda tanya dan mengundang permasalahan kepada penulis.

Ayat yang pertama ialah firman Allah di dalam surah Hūd ayat 67 iaitu :

وَأَخَذَ الَّذِينَ ظَلَمُوا الصَّيْحَةَ فَأَصْبَحُوا فِي دِيَارِهِمْ جَاثِمِينَ

Terjemahannya : *"Dan orang-orang yang zalim itu ditimpa pekikan (suara gemuruh), lalu mereka terbaring (mati) di dalam rumah mereka".*

Manakala ayat yang kedua pula ialah firman Allah di dalam surah Hūd
ayat 94 iaitu :

وَأَخَذَتِ الَّذِينَ ظَلَمُوا الصَّيْحَةَ فَأَصْبَحُوا فِي دِيَارِهِمْ جَالِينَ

Terjemahannya : *"Dan orang-orang yang zalim itu ditimpa pekikan
(suara gemuruh), lalu mereka terbaring (mati) di dalam rumah mereka".*

Apabila dibandingkan kedua-dua ayat di atas, maka didapati pelaku
adalah perkataan yang sama iaitu al-ṣaiḥat (الصَّيْحَةُ), dan kata kerja ayat
pertama ialah akhadha (أَخَذَ) tanpa ada tā' ta'nīth manakala kata kerja ayat
kedua pula akhadhat (أَخَذَتْ) dengan penambahan tā' ta'nīth di hujungnya.

Persoalan-persoalan yang timbul ialah apakah kaedah-kaedah atau
hukum-hukum penggunaan tadhkīr dan ta'nīth kata kerja yang terdapat di
dalam kedua-dua ayat tersebut ?. Di samping itu, timbul juga persoalan
tentang apakah rahsia-rahsia yang tersirat di sebalik penggunaan tadhkīr dan
ta'nīth kata kerja untuk pelaku mu'annath yang sama daripada sudut
perbahasan retorik?.

Sememangnya persoalan-persoalan sebeginilah yang mendesak
penulis memerhati, mengkaji serta menganalisa fenomena tadhkīr dan ta'nīth
kata kerja di dalam Al-Quran secara lebih mendalam dan hasilnya adalah
disertasi yang sederhana ini bertajuk ***"Analisis Tadhkīr dan Ta'nīth Kata
Kerja untuk Pelaku Mu'annath yang Sama dalam Al-Quran"***.

1.2 Kajian Terdahulu

Kajian dan penulisan mengenai persoalan tadhkīr dan ta'nīth kata kerja di dalam Al-Quran telah mencuri tumpuan para pengkaji sejak dahulu hingga sekarang. Boleh dinyatakan bahawa kebanyakan kajian dan penulisan yang diketengahkan hanya menyentuh secara umum mengenai tadhkīr dan ta'nīth kata kerja untuk pelaku.

Kajian-kajian tersebut tidak menjuruskan perbincangan mengenai penggunaan tadhkīr dan ta'nīth kata kerja yang sama dengan pelaku mu'annath yang sama pada kedua-dua bentuk penggunaan yang terdapat di dalam Al-Quran.

Lantaran itu, disertasi ini cuba membahaskan permasalahan di atas dan sepanjang pengetahuan penulis masih belum terdapat satu bentuk penulisan atau kajian yang khusus lagi terperinci yang membicarakan tentang penggunaan tadhkīr dan ta'nīth kata kerja untuk pelaku mu'annath yang sama di dalam Al-Quran al-Karim.

Walaupun begitu, terdapat beberapa kajian dan penulisan yang dilakukan oleh para ulama nahu dahulu dan sekarang berkaitan tadhkīr dan ta'nīth kata kerja di dalam Al-Quran secara umum. Di antaranya ialah :

(a) **Sībawaih**¹ di dalam **al-Kitāb** menyentuh persoalan gugurnya tā' ta'nīth pada kata kerja bagi perkataan-perkataan yang menunjukkan kepada benda (bukan jenis manusia atau binatang). Contohnya firman Allah s.w.t. dalam surah al-Baqarah ayat 275 :

فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَاتَّهَىٰ

Terjemahannya : "Sesiapa yang menerima pengajaran dari Tuhannya, lalu ia berhenti sesudah itu ..."

Dalam ayat di atas, kata kerja (جَاءَ) telah ditadhkīrkan dengan pelakunya perkataan mu'annath majāziy iaitu (مَوْعِظَةٌ). Bentuk sebegini menurut **Sībawaih** banyak terdapat di dalam Al-Quran.² Kenyataan beliau tersebut telah menarik minat penulis untuk mengkaji persoalan tadhkīr dan ta'nīth kata kerja di dalam Al-Quran secara terperinci dan lebih mendalam.

(b) **Ibn al-Qayyim al-Jauziyyat** dalam kitab beliau "**Badā'i' al-Fawā'id**" telah memuatkan penjelasan dan huraian tentang penggunaan tadhkīr dan ta'nīth kata kerja (أَخَذَ) dengan perkataan (الصَّيْحَةُ) serta tadhkīr dan ta'nīth kata kerja (حَقَّ) dengan perkataan (ضَلَّالَةٌ).³ Kupasan dan huraian beliau amat menarik sekali tetapi tidak menyeluruh kerana hanya merangkumi dua kata kerja dengan dua pelaku sahaja sedangkan masih terdapat kata kerja-

¹ Abū Bishr 'Amrū ibn 'Othmān al-Hārith (148-180 H).

² Sībawaih. Al-Kitāb. Jil. 2. Hal. 39.

³ Lihat : Ibn al-Qayyim al-Jauziyyat. Badā'i' al-Fawā'id. Hal. 126.

kata kerja lain yang ditadhkīr dan dita'nīthkan dengan pelaku mu'annath yang sama di dalam Al-Quran.

(c) **Al-Ḍamāminiyy** telah menyatakan bahawa sesungguhnya beliau telah mengkaji persoalan tadhkīr dan ta'nīth kata kerja di dalam Al-Quran al-Karim , lantas beliau mendapati terdapat sebanyak 50 ayat yang digugurkan tā' ta'nīth (penggunaan tadhkīr kata kerja) dan terdapat sebanyak lebih 200 ayat yang tidak digugurkan tā' ta'nīth (penggunaan ta'nīth kata kerja).¹

(d) **Muhammad °Abd al-Khāliq °Aḍīmat** menyebutkan bahawa beliau sendiri telah membanci ayat-ayat Al-Quran yang menyentuh persoalan tadhkīr dan ta'nīth kata kerja di dalam Al-Quran. Beliau mendapati bilangan ayat-ayat ta'nīth sebanyak 617 tempat dan ayat-ayat tadhkīr pula sebanyak 193 tempat di dalam Al-Quran al-Karim.²

(e) **°Audatullāh Manī° al-Qaisiy** dalam kitab beliau **“Sir al-°jāz Fi Tanawwu° al-°iyagh al-Musytaqqat min Aṣl Lughawiy Wāhid fi Al-Qur'ān”** turut mengupas persoalan tadhkīr dan ta'nīth kata kerja. Beliau bukan sekadar mengemukakan alasan-alasan sintaksis kenapa penggunaan tadhkīr dan ta'nīth kata kerja untuk pelaku mu'annath yang sama, tetapi turut membincangkan permasalahan ini daripada aspek konteks dan makna ayat-ayat yang mengandungi penggunaan tadhkīr dan ta'nīth.³

¹Dipetik dari : Muḥammad °Abd al-Khāliq °Aḍīmat, *Dirāsāt li Uslūb al-Qur'ān*. Juz. 1. Bahagian. 3. Hal. 488

²Muḥammad °Abd al-Khāliq °Aḍīmat, *Dirāsāt li Uslūb al-Qur'ān*. Juz. 1. Bahagian. 3. Hal. 488

³Lihat : °Audatullāh Manī° al-Qaisiy , *Sir al-°jāz fi Tanawwu° al-°iyagh al-Musytaqqat min Aṣl Lughawiy Wāhid fi al-Qur'ān*. Hal. 46.

1.3 Objektif Kajian

Penulis memilih tajuk *“Analisis Tadhkīr dan Ta’nīth Kata Kerja untuk Pelaku Mu’annath yang Sama dalam Al-Quran”* kerana didorong oleh faktor-faktor berikut :

(a) Memahami Al-Quran

Setiap orang Islam telah dipertanggungjawabkan untuk membaca, mempelajari , memahami dan seterusnya menghayati Al-Quran. Al-Quran adalah perlembagaan hidup seorang Islam. Oleh itu, dia mestilah mencuba sedaya upaya memahami Al-Quran seperti yang disuruh oleh Allah s.w.t. di dalam surah Muḥammad ayat 24 dengan firmanNya :

أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْقُرْآنَ أَمْ عَلَىٰ قُلُوبٍ أَقْفَالُهَا

Terjemahannya : *“Tidakkah mereka hendak memerhatikan [isi] Al-Quran ataukah hati mereka terkunci?”*.

(b) Menyerlahkan kehebatan dan kesempurnaan Al-Quran

Memang tidak boleh dipertikaikan lagi bahawa Al-Quran adalah “Kalamullāh” yang jelas terpancar sinar kehebatan dan kesempurnaannya. Rasulullah s.a.w. sendiri telah menggambarkan kesempurnaan Al-Quran dengan sabda baginda yang bermaksud :

"...la (Al-Quran) adalah peringatan yang penuh hikmah, jalan yang lurus dan tidak akan tersesat jiwa-jiwa (yang mengikutinya). Lidah-lidah pula tidak tersasul (bila menyebutnya), ulama tidak pernah merasa puas (mengkajinya) dan (Al-Quran) tidak pula rendah nilainya dengan sebab banyak mengulanginya serta tidak pernah putus keajaibannya...".¹

Menyedari hakikat tersebut, sewajarnya kajian demi kajian berkaitan Al-Quran diusahakan dan dihidangkan untuk santapan masyarakat supaya keindahan Al-Quran dapat dinikmati, keistimewaannya dirasai dan keagungannya dapat menembusi hati-hati yang keras agar mereka tunduk menyerah diri.

(c) Menonjolkan rahsia-rahsia keistimewaan dan keunikan uslūb Al-Quran menerusi penggunaan tadhkīr dan ta'nīth kata kerja untuk pelaku mu'annath yang sama.

Al-Quran adalah mukjizat teragung Nabi Muhammad s.a.w. dalam segenap segi dan bidang. Oleh itu, amat perlu dilakukan kajian terperinci khususnya daripada aspek sintaksis untuk menyingkap rahsia-rahsia i'jāz Al-Quran dalam bidang tersebut.

¹ Al-Tirmidhiy, Sunan al-Tirmidhiy, Jil. 8, Hal. 113.

Hasil kajian ini diharapkan dapat menyelesaikan dan membantu pengkaji bahasa Arab memahami kaedah penggunaan tadhkir dan ta'nīth kata kerja untuk pelaku mu'annath yang sama berlandaskan tatacara penggunaan yang ditunjukkan oleh Al-Quran al-Karim. Ini kerana Al-Quran adalah sumber bahasa Arab yang terbaik dalam memahami kaedah tersebut.

(d) Memperbanyakkan koleksi bacaan dan bahan-bahan penyelidikan dalam bidang ilmu sintaksis bahasa Arab untuk rujukan pencinta ilmu.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa buku-buku, kajian-kajian dan bahan-bahan penulisan mengenai sintaksis bahasa Arab di dalam bahasa ibunda masih lagi kurang dan sedikit untuk memenuhi keperluan dan tuntutan perkembangan ilmu bahasa Arab di tanahair yang semakin pesat.

Oleh itu, dengan munculnya kajian ini semoga ia dapat memperbanyakkan serta mempelbagaikan bahan rujukan dan bacaan di samping memenuhi tuntutan tersebut.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini mempunyai kepentingannya yang tersendiri kerana ia adalah satu diskusi ilmiah yang cuba menyelami kitab-kitab nahu dahulu mahupun kitab-kitab nahu moden. Di samping usaha dan peranannya untuk menghimpunkan ayat-ayat Al-Quran yang berkaitan dengan persoalan tadhkīr dan ta'nīth kata kerja untuk pelaku mu'annath yang sama di dalam Al-Quran, ia juga mengupas persoalan tersebut secara menyeluruh daripada aspek lafaz dan makna.

Ringkasnya, Kajian ini cuba membincangkan tajuk di atas secara mendalam yang sebelum ini telah disentuh secara mendatar. Diharapkan kepada para pengkaji lain dapat menyambung dan menyempurnakan kajian-kajian mereka yang berkaitan dengan tajuk ini pada masa akan datang.

1.5 Batas Kajian

Kajian ini hanya akan membincangkan persoalan tadhkīr dan ta'nīth kata kerja kala lampau sahaja tidak termasuk kata nama. Daripada sudut hukum penggunaan tadhkīr dan ta'nīth kata kerja untuk pelaku terbahagi kepada tiga jenis iaitu wajib tadhkīr, wajib ta'nīth dan harus tadhkīr atau ta'nīth. Dalam hal ini, penulis memilih jenis yang ketiga sebagai asas teori dan tumpuan kajian.

Bahan utama kajian ini ialah ayat-ayat Al-Quran yang mempunyai kaitan langsung dengan persoalan tadhkīr dan ta'nīth. Pemilihan dibuat

berdasarkan penggunaan kata kerja-kata kerja yang kata akarnya adalah sama tetapi ditadhkīr dan dita'nīthkan di dua tempat yang berlainan di dalam Al-Quran, manakala pelakunya adalah perkataan yang sama pada kedua-dua tempat tersebut.

Jadi, terdapat di dalam Al-Quran sembilan kata kerja yang sama kata akarnya telah ditadhkīr dan dita'nīthkan untuk sembilan pelaku mu'annath yang sama pada kedua-dua bentuk penggunaan tadhkīr dan ta'nīth .

Seterusnya, perkataan-perkataan yang menjadi pelaku dibahagikan kepada empat kategori iaitu mu'annath majāziy, jam^c taksir, jam^c mu'annath sālim dan ism jam^c . Sehubungan dengan itu, terdapat sebanyak enam perkataan mu'annath majāziy, satu perkataan jam^c taksir, satu perkataan jama^c mu'annath sālim dan satu perkataan ism jam^c .

Bertitik-tolak daripada data-data di atas, penulis akan menghimpunkan ayat-ayat tadhkīr dan ta'nīth sembilan kata kerja kala lampau sahaja dengan sembilan pelaku mu'annath seperti yang terdapat di dalam Al-Quran. Kemudian, penulis akan membuat perbandingan dan perbahasan dengan berlatarbelakangkan pandangan-pandangan ahli-ahli sintaksis untuk menyelesaikan permasalahan-permasalahan yang timbul.

Kupasan dan huraian akan lebih ditumpukan terhadap ayat-ayat yang ditadhkīrkan kata kerjanya dengan pelaku mu'annath kerana bentuk penggunaan inilah yang menimbulkan permasalahan.

Manakala ayat-ayat ta'nīth kata kerja dengan pelaku mu'annath tidak mengundang sebarang pertanyaan kerana ia berdasarkan kaedah asal bahasa Arab yang faṣīh(elok) bahawa ta'nīth kata kerja adalah sesuai sekali untuk pelaku mu'annath.

Kajian ini juga akan memuatkan huraian serta perbahasan sintaksis dalam ruang lingkup tajuk di atas dengan menukilkan pandangan–pandangan tokoh ulama nahu Arab yang terkenal.

Namun begitu, ini tidaklah bermakna pandangan-pandangan ahli-ahli retorik dipinggirkan, bahkan pandangan dan pendapat mereka turut dimuatkan untuk menghangatkan perbincangan, meneguhkan hujah atau sebagai maklumat tambahan yang mengindahkan perbincangan.

1.6 Metodologi Kajian

Kaedah kajian untuk menghuraikan tajuk di atas ialah kajian keperpustakaan secara analisa, perbandingan dan pemerhatian. Kajian ini memerlukan rujukan perpustakaan kerana bahan-bahan yang digunakan ialah kitab-kitab nahu, tafsīr dan balāghat, kamūs-kamūs Arab dan kitab-kitab iʿrāb al-Quran.

Penulisan ayat-ayat Al-Quran dalam disertasi ini adalah berpandukan tulisan Arab biasa bukan "*Rasam ʿOthmāni*" seperti yang termaktub dalam Al-Quran. Sementara itu, teks-teks terjemahan Al-Quran pula dipetik daripada terjemahan Al-Quran yang diluluskan seperti "**Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian Al-Quran**" terbitan Bahagian Hal-Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri dengan beberapa pindaan yang difikirkan lebih tepat.

Berhubung dengan penggunaan istilah-istilah sintaksis dan retorik bahasa Arab, maka penulis menggunakan istilah-istilah asalnya untuk mendapatkan ketepatan dan keaslian maksud istilah-istilah tersebut. Istilah-istilah ini akan diuraikan maknanya oleh penulis dalam Lampiran 2 iaitu Daftar Istilah Arab dalam Disertasi.

Walaupun demikian, penulis juga ada menggunakan terjemahan istilah-istilah Arab yang mudah dengan merujuk "**Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab**" terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1996.

1.7 Rangka Kajian

Disertasi ini bertajuk : “ *Analisis Tadhkīr dan Ta'nīth Kata Kerja untuk Pelaku Mu'annath yang Sama dalam Al-Quran* ” yang membincangkan fakta-fakta berikut :

BAB SATU : PENGENALAN

Bab ini akan memaparkan enam perbahasan asas berkaitan dengan kajian iaitu pendahuluan, pernyataan masalah, kajian terdahulu, objektif kajian, kepentingan kajian, batas kajian, metodologi kajian dan akhir sekali rangka kajian.

BAB DUA : DEFINISI, TANDA DAN PEMBAHAGIAN

TADHKĪR DAN TA'NĪTH DALAM BAHASA ARAB

Bab ini akan membentangkan tiga perbahasan. Pertamanya ialah pengertian tadhkīr, ta'nīth dan mu'annath daripada aspek bahasa dan istilah. Keduanya ialah tanda-tanda ta'nīth yang terdapat dalam kata kerja, kata nama dan huruf (partikel). Ketiganya ialah pembahagian ta'nīth daripada aspek jantina dan tanda kepada lima bahagian iaitu mu'annath haqīqiy, mu'annath majāzīy, mu'annath lafzīy, mu'annath ma^onawiy dan mu'annath lafzīy-ma^onawiy.

BAB TIGA : HUKUM PENGGUNAAN TADHKĪR DAN TA'NĪTH
KATA KERJA UNTUK PELAKU.

Bab ini menghuraikan persoalan hukum penggunaan tadhkīr dan ta'nīth kata kerja untuk pelaku yang terbahagi kepada tiga jenis hukum iaitu wajib tadhkīr, wajib ta'nīth dan harus tadhkīr serta ta'nīth.

BAB EMPAT: TADHKĪR DAN TA'NĪTH KATA KERJA UNTUK PELAKU
MU'ANNATH YANG SAMA DALAM AL-QURAN

Bab ini akan menjuruskan perbincangan mengenai penggunaan tadhkīr dan ta'nīth kata kerja untuk pelaku mu'annath yang sama di dalam Al-Quran. Fokus utama kajian dalam bab ini ialah sembilan kata kerja kala lampau yang kata akarnya sama telah ditadhkīr dan dita'nīthkan untuk sembilan pelaku mu'annath yang sama iaitu enam mu'annath majāziy, satu jam^c taksir, satu jam^c mu'annath sālim dan satu ism jam^c.

BAB LIMA : KESIMPULAN DAN CADANGAN

Bab ini akan mengutarakan rumusan kajian, dapatan–dapatan yang dicapai hasil daripada kajian dan penyelidikan yang telah dipaparkan pada bab-bab terdahulu. Bab ini juga akan menyelitkan beberapa saranan dan cadangan berkaitan tajuk ini untuk golongan pengkaji , pendidik dan pelajar.